

**PERMINTAAN TERHADAP BAHAN BINAAN IMPORT  
DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DI MALAYSIA**

**MUHAMMAD IKHWAN BIN IBRAHIM**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL, 2007**

## ABSTRAK

Pemilihan bahan binaan import untuk sesuatu projek pembinaan dipengaruhi oleh pelbagai sebab dan faktor tertentu. Semasa di peringkat reka bentuk pihak-pihak yang terbabit seperti arkitek dan jurutera perlu mengambil kira dan mempertimbangkan pelbagai aspek dan faktor semasa membuat pemilihan untuk menggunakan bahan binaan import dalam projek pembinaan. Di peringkat pembinaan pula, terdapat pelbagai implikasi yang boleh berlaku disebabkan oleh pemilihan bahan binaan import dalam projek pembinaan. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan terhadap bahan binaan import dalam pembinaan. Selain itu, penyelidikan ini juga dilakukan untuk mengenal pasti implikasi pemilihan bahan binaan import semasa melaksanakan projek pembinaan. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak industri yang terdiri daripada 2 jenis responden iaitu pihak yang terlibat dalam mereka bentuk dan memilih bahan binaan iaitu arkitek dan jurutera serta pihak yang terlibat dalam proses pembinaan iaitu kontraktor pembinaan. Hasil analisis menunjukkan faktor-faktor tersebut disenaraikan mengikut keutamaan didahului dengan faktor permintaan daripada klien yang paling dipertimbangkan semasa pemilihan bahan binaan import. Manakala untuk implikasi pemilihan bahan binaan import pula menunjukkan peningkatan dari segi kos sangat memberi impak semasa melaksanakan projek pembinaan.

## ABSTRACT

Selection of imported construction material for any construction projects are affected by some reasons and certain factors. During the design stage, architect and engineer who are the party involved have to consider many aspects and factors for selection of imported construction material in construction project. For the construction stage, there have many implications that can happen cause by selection of imported construction material in construction project. Exactly, this research is doing to identify the factors of affected demand for imported material in construction. Other than that, this research also would like to identify the implications of selection imported construction material during implements construction project. A number of 100 questionnaire forms have been distributed to industrial party which is consist 2 types of respondent there are party involve in design stage and selection of construction material those are architect and engineer and also party involve in construction process that are contractors. Outcome of analysis show the factors listed by priority which the factor demand of client is the most consideration during the selection of imported construction material. Whereas for implications of selection of imported construction material show that increasing in cost have most effected during the execution of construction project.